

>>Kesan paling buruk penyakit Meliodosis, Brucellosis dan Brucella ialah kepada wanita hamil

Yusri Abd Malek
dan Mohd Firdaus Ibrahim
am@hmetro.com.my

Padang Besar

Menjelang sambutan Aidiladha dua minggu lagi, dianggarkan lebih 10,000 lembu dan kerbau dari Myanmar dan Thailand sudah diseludup ke negara ini terutama melalui Pengkalan Kubor, Kelantan.

Perkembangan itu dikhawatir men dedahkan umat Islam di negara ini kepada penularan penyakit Meliodosis, Brucellosis dan Brucella, selain ancaman penyakit lembu gila serta kaki dan mulut (FMD) yang boleh menjadi wabak serta membunuh lembu atau kerbau tempatan.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Perlis Khairi Arif yang men dedahkan perkara itu berkata, kesan paling buruk penyakit Meliodosis, Brucellosis dan Brucella ialah kepada wanita hamil.

"Tiga penyakit itu bukan saja boleh menyebabkan lembu betina keguguran tapi wanita hamil yang makan

daging lembu menghadap penyakit itu turut berisiko mengalami keguguran," katanya kepada Harian Metro ketika ditemui di pejabat MAQIS, di sini.

Menurutnya, dianggarkan lebih 30 penyakit ruminan membabitkan lembu atau kerbau kerap berlaku di negara ini, sekali gus menyebabkan langkah pencegahan termasuk kuarantin menjadi amat penting.

Beliau berkata, industri ternakan tempatan yang tidak berdaya saing atau hanya untuk sara diri menyebabkan hampir 90 peratus lembu atau kerbau yang dibekalkan untuk menjadi haiwan korban sempena Aidiladha membabitkan haiwan import sama ada yang masuk secara sah atau di seludup.

"Lembu atau kerbau yang dibawa masuk ini ada yang kurang cerdas atau dijangkiti penyakit kerana dikurung dalam kandang kotor serta terpaksa melalui jarak perjalanan yang jauh. Itulah pentingnya proses kuarantin yang kita lakukan," katanya.

Khairi berkata, setiap lembu yang diimport mengikut saluran betul membabitkan pengimport tempatan akan dikuarantin selama 15 hari mengikut jadual kemasukan yang diberikan.

"Di pusat kuarantin di sini (Padang Besar), kita mampu menampung sebanyak 1,600 ekor lembu pada satu

masa iaitu tempoh kuarantin 15 hari," katanya.

Memperincikan proses kuarantin dilakukan pihaknya, Khairi berkata proses kuarantin akan bermula sehari selepas lembu melepas pemeriksaan di sempadan, narnur pengimpor perlu terlebih dulu membuat tempahan sesi kuarantin.

"Lembu yang tiba di pintu sempadan akan diperiksa dokumentasi dan saringan gejala penyakit. Jika dikesan berpenyakit, lembu tidak akan dibenarkan masuk ke negara ini."

"Seterusnya, sebaik tiba di pusat kuarantin pola, sekali lagi pemeriksaan saringan gejala penyakit dilakukan sebelum lembu disembur ubat. Proses mengambil darah akan dilakukan sebelum pemberian vaksin sepanjang tempoh berkenaan (15 hari).

"Jika lembu itu masih dikesan berpenyakit biarpun sudah diberikan vaksin, proses kuarantin akan dimulakan semula (atu hingga 15 hari)," katanya.

Jika penyakit berkenaan masih berterusan selepas melakukan proses kuarantin yang berulang, Khairi berkata, semua lembu yang berpenyakit itu akan dibawa ke pusat penyembuhan berdaftar dengan MAQIS.

"Lembu akan disembelih dan bagiannya saja diambil manakala tulang, isi perut dan organ seperti hati, jantung

FAKTA
Lembu yang tiba di pintu sempadan akan diperiksa dokumentasi dan saringan gejala penyakit



BAHAYA LEMBU SELUDUP

■ 10,000 haiwan korban dibimbangi ada penyakit berbahaya

30-08-2016

15 >>Bilangan hari lembu dikuarantin sebelum dibawa masuk ke negara ini

HARIAN METRO

dan lain-lain akan dimusnahkan," katanya memberitahu proses itu dikenali sebagai 'debone'.

Menurutnya, proses itu amat dibimbangi pengimpor kerana merugikan mereka namun tindakan tegas sememangnya perlu dilakukan bagi mengkekang penularan penyakit.


Mengenai kegiatan penyeludupan di kawasan sempadan Malaysia-Thailand iaitu di Padang Besar dan Bukit Kayu Hitam, Khairi berkata, aktiviti itu amat berkurangan jika dibandingkan dengan di Sungai Golok, Kelantan.

"Di sini (Padang Besar) memang ada tetapi jumlahnya tidak banyak disebabkan faktor muka bumi yang berbukit... lebih sukar sindiket hendak menyeludup lembu berbanding hanya melintasi Sungai Golok," katanya.

Beliau berkata, kawasan FELDA Lubuk Sireh dan FELDA Mata Air di sini antara kawasan yang disasarkan sindiket untuk melakukan penyeludupan.

Menurutnya, MAQIS menasihatkan pengimpor supaya tidak memikirkan keuntungan semata-mata dan cepat sahaja sebaliknya wajar mementingkan keselamatan pengguna.

"Orang awam pula jangan babitkan diri dalam kegiatan penyeludupan," katanya.



Bawa masuk lima jenis lembu

Padang Besar: Sindiket penyeludup halwan yang aktif beroperasi di sempadan Malaysia-Thailand dikesan menyasarkan sekurang-kurangnya lima jenis lembu untuk diseludup bagi memenuhi permintaan peraih di Malaysia sempena Aidiladha ini.

Antara lembu yang menjadi sasaran ataupun menjadi permintaan tinggi dalam pasaran seperti Limozin, Chevrolate, Brahman, Brahman X dan Fama.

Menurut sumber, semua lembu berkenaan mendapat permintaan yang tinggi dan sekali gus menyebabkan harganya juga tinggi.

"Ia boleh mencecah harga sebanyak RM4,500 hingga RM5,000 seekor."

Ia tidak kira lembu yang lebih besar saiznya mencecah RM10,000 hingga RM15,000 seekor (lembu baka).

"Tetapi untuk hari raya korban, selalunya lembu yang dipilih peraih dalam anggaran harga RM4,500 hingga RM5,000 setiap seekor," katanya.

Sumber itu berkata, selain Thailand, sindiket juga mendapatkan bekalan dari Myanmar dan Laos.

"Ini membuktikan permintaan lembu mahupun kerbau bagi pasaran Malaysia sentiasa ada."

"Boleh dikatakan 90 peratus lembu yang berada di Malaysia untuk tujuan korban dan sebagainya adalah dari negara luar."

"Industri penternakan lembu mahupun kerbau tempatan sememangnya terlalu kecil dan sangat bergantung kepada negara luar."

"Sebab itulah sindiket mengambil kesempatan dan mampu mengaut keuntungan jutaan ringgit sebulan," katanya ketika ditemui.

Ditanya kenapa lima jenis lembu berkenaan menjadi sasaran peraih, sumber itu berkata lembu berkenaan sama dengan baka yang dibiakkan penternak tempatan.

"Jadi susah bagi pihak berkuasa untuk mengetahui sama ada lembu itu diseludup atau dibawa masuk menggunakan saluran yang betul," katanya.

KES penyeludupan lembu halwan di sempadan Thailand sekitar Pengkalan Kubor, Jampat

ESOK: Lembu dipaksa berenang